

29/12/2000

MSC bukan ikut acuan Lembah Silikon

MALAYSIA mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bukannya untuk dijadikan sebagai produk pendua atau tiruan terhadap kejayaan Lembah Silikon di Amerika Syarikat (AS).

Malah kewujudan MSC adalah hasil daripada kajian dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hub utama teknologi maklumat (IT) bagi rantau Asia Pasifik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lotus Development Corp. (Lotus), Al Zollar, berkata Malaysia bertindak bijak dengan menjana kejayaannya sendiri melalui kewujudan MSC itu.

Oleh itu katanya, adalah tidak benar tanggapan kebanyakan pihak bahawa MSC dibangunkan untuk meniru kejayaan Lembah Silikon.

"Pada kenyataannya, apa yang dilakukan oleh Malaysia itu adalah satu konsep lebih mendalam khususnya dengan terciptanya Cyberjaya, yang mana ia adalah bandar raya pertama dibina menggunakan konsep penggabungan IT, komunikasi dan hiburan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan mengenai "e-Government in action around the world," di Forum Kerajaan Global Lotus, di Washington, baru-baru ini.

Zollar berkata, kerajaan Malaysia begitu komited terhadap pembangunan MSC yang mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, begitu mengambil berat terhadapnya.

Sebagai contoh katanya, Dr Mahathir terpaksa meninggalkan kumpulan pemimpin utama dunia ketika menghadiri sidang kemuncak di Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini sebelum acara itu berakhir.

"Tujuan beliau berbuat demikian ialah untuk menghabiskan sepenuh masa dengan saya serta ahli Panel Penasihat Antarabangsa (AIP) MSC yang hadir pada persidangan itu baru-baru ini," katanya.

Menurutnya, walaupun Malaysia dan kerajaannya dikatakan bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran nanti dalam membangunkan MSC, namun mereka pasti berjaya mengatasinya.

Matanya, ini berdasarkan kepada matlamatnya yang ingin menjadi negara utama dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa.

"Malaysia pasti berjaya dalam matlamatnya untuk membangunkan MSC memandangkan kini ia mendapat sokongan penuh daripada lebih 300 syarikat bertaraf antarabangsa termasuk IBM dan Lotus," katanya.

(END)